

Headline	Polemik antara agamawan kelirukan ummah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	22 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	536 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 18,406	PR Value	RM 55,218



# Polemik antara agamawan kelirukan ummah

## DARI KACA MATA



**Dr Azmul Fahimi Kamaruzaman**

Ketua Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM



Sebagai negara Islam yang progresif, Malaysia melahirkan ramai agamawan. Mereka adalah graduan dari institusi pengajian tinggi Islam dalam negara mahupun dari Asia Barat. Pada awal abad ke-20, sebelum negara mencapai kemerdekaan dan mempunyai institusi pengajian tinggi Islam formal, agamawan terdiri daripada graduan Universiti al-Azhar, mereka yang mendalam pengajian Islam secara tradisional di Makkah dan alumni pusat pengajian pondok di seluruh di Tanah Melayu dan Nusantara.

Selepas merdeka, institusi pengajian tinggi Islam mula dibuka. Namun tradisi pengajian pondok berterusan dan penghantaran pelajar ke Asia Barat diperluaskan ke negara selain Mesir seperti Jordan, Maghribi, Arab Saudi, Libya dan bahkan ke Indonesia. Semangat kebangkitan Islam yang meluas serta sokongan kerajaan membolehkan ramai alumni sekolah agama melanjutkan pengajian dalam tiga bidang teras utama Islam iaitu syariah, usuluddin dan bahasa Arab.

Selepas menamatkan pengajian, agamawan menyertai dunia pekerjaan dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, perbankan Islam, politik, ketenteraan dan perniagaan. Tidak ketinggalan terabit secara langsung dengan medan dakwah kepada masyarakat seba-

gai penceramah dan personaliti program realiti TV. Mereka memenuhi tuntutan keagamaan masyarakat yang perlukan bimbingan supaya lebih seimbang antara nilai keduniaan dan kerohanian.

### Dihormati masyarakat

Kehadiran agamawan memenuhi keperluan bukan hanya di sektor pentadbiran dan pengurusan Islam, pendidikan di sekolah dan universiti malah turut meliputi aktiviti selepas waktu bekerja mereka sebagai imam di masjid dan surau serta aktif memberi kuliah agama dalam masyarakat. Mereka dihormati kerana ilmu dan bimbingan mereka sentiasa diperlukan.

Kedudukan itu memberi ruang kepada agamawan membentuk pandangan mereka kepada masyarakat dalam bidang ilmu Islam. Perkembangan ini adalah proses positif dan tabii. Namun, keadaan ini juga secara tidak langsung menyebabkan wujudnya kepelbagaian pandangan dalam kalangan agamawan sendiri. Perbezaan pendapat adalah lumrah. Malah, menjadi satu rahmat jika ditangani dengan betul. Pastinya jika tidak ditangani dengan betul akan menyebabkan pertelingkahan dan lebih parah lagi mewujudkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat awam.

Perbezaan pandangan segelintir kalangan agamawan khususnya dalam isu memahami tafsiran akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah perlu ditangani dengan bijaksana, berlapang dada dan matang. Golongan agamawan tidak boleh selamanya berbeza pandangan. Mereka perlu mencari persamaan yang boleh menyatukan mereka.

Pada awal abad ke-20, masyarakat Islam di Tanah Melayu dan Nusantara pernah menyaksikan pertembungan dua golongan aga-

Headline	Polemik antara agamawan kelirukan ummah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	22 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	536 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 18,406	PR Value	RM 55,218

mawan yang dilabelkan sebagai Kaum Muda dan Kaum Tua. Kini sejarah itu berulang lagi dengan watak yang hampir sama tetapi dengan label berbeza.

Segelintir agamawan ini perlu menghayati prinsip wasatiyyah iaitu kesederhanaan yang tidak menjerumuskan mereka kepada jalan pemikiran ekstrem dan liberal. Namun paling penting, tidak boleh mempersembahkan nuansa pemikiran mereka dengan cara ekstrem.

Meskipun asas pemikiran itu punya nilai kebenaran tetapi jika bahasa, provokasi dan penyampaiannya diadun dengan niat mencetuskan permusuhan, maka matlamat kebenaran ilmu tidak akan tercapai.

**Proses bina tamadun terencat**  
Tindakan segelintir yang melabel, menuduh dan membenci sesama sendiri menggunakan media sosial perlu dihentikan. Dalam konteks ini, perlu sentiasa ada pihak yang mampu menjadi pendamai antara dua kumpulan agar pertelingkahan dapat dielakkan dan penyatuan kembali dapat diwujudkan.

Pertelingkahan mampu menyebabkan perpecahan. Jika berpanjangan akan merencatkan proses pembinaan tamadun sesebuah bangsa dan negara.

Jika masyarakat berpecah-belah dan tidak menumpukan kepada prinsip asabiyyah, maka perkembangan ini akan membantutkan negara untuk menjadi sebuah negara yang mencapai tahap tertinggi dalam proses pembinaan tamadun iaitu umran atau penguasaan ilmu pengetahuan dalam ilmu pengetahuan.

Kecemerlangan diukur berasaskan bagaimana masyarakat merasai secara langsung hasil inovasi dan kreativiti yang dihasilkan oleh sarjana dan menghayati budaya terbaik berteraskan nilai dan prinsip agama.

Semua ini hanya akan dikecapi jika perselisihan dan perbalahan dalam kalangan masyarakat dapat diurus dengan baik. Ironinya, agamawan ialah komponen penting yang berperanan membimbing masyarakat. Oleh itu, jika segelintir agamawan masih mem-

pamerkan sistem nilai dan akal budi yang tidak seiring dengan fungsi mereka, maka usaha mencapai kecemerlangan tamadun masih mencabar.

Persamaan perlu segera dicari untuk menyatukan kembali hati yang terpisah. Penyatuan adalah suatu yang mendesak. Masyarakat dan negara amat memerlukan agamawan untuk terus menabur bakti supaya Islam sebagai agama negara terus kukuh dan pembangunan akan seimbang dengan nasihat dan pandangan mereka. Namun jika segelintir agamawan masih berterusan 'berasak' sesama sendiri, dibimbangi akan mencalar imej agamawan lain dan memberi perspektif tidak baik kepada Islam.

➔ Satu kajian oleh Institut Penyelidikan Khazanah mendapati 50 peratus isi rumah di bandar tidak mempunyai simpanan dan baki 20 peratus hanya boleh bertahan dalam tempoh tiga bulan sekiranya pendapatan isi rumah itu terputus. Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia, **Abd Halim @ Hamilton Ahmad**, mengupas lanjut isu ini, esok.

Segelintir agamawan perlu menghayati prinsip wasatiyyah iaitu kesederhanaan yang tidak menjerumuskan mereka kepada jalan pemikiran ekstrem dan liberal”

Meskipun asas pemikiran punya nilai kebenaran, jika bahasa, provokasi dan penyampaiannya diadun dengan niat untuk mencetuskan permusuhan, maka matlamat kebenaran ilmu itu tidak akan tercapai”

Jika masyarakat berpecah dan tidak fokus kepada prinsip asabiyyah, ia halang negara capai tahap tertinggi dalam proses pembinaan tamadun, iaitu umran atau penguasaan ilmu”